

## SURAH IBRAHIM



Surah: 14 Juzuk: 13 Bil. Ayat: 52

*Dengan nama Allah Yang Maha Pemurah,  
lagi Maha Mengasihani.*

1. Alif, Laam, Raa'. Inilah al-Quran yang Kami turunkan kepadamu (wahai Muhammad), supaya engkau mengeluarkan umat manusia seluruhnya daripada kegelapan kufur kepada cahaya iman dengan izin Tuhan mereka ke jalan Allah Yang Maha Berkuasa lagi Maha Terpuji.
2. Allah yang memiliki segala yang ada di langit serta yang ada di bumi; dan kecelakaan besar bagi orang yang kufur (terhadap al-Quran) kerana azab yang amat berat.
3. Orang yang mengutamakan kehidupan dunia lebih daripada akhirat, dan menghalang manusia dari jalan agama Allah, serta menghendaki jalan itu menjadi bengkok, mereka itulah orang yang terjerumus ke dalam kesesatan yang jauh.
4. Dan Kami tidak mengutuskan seorang rasul melainkan dengan bahasa kaumnya supaya Dia menjelaskan (hukum-hukum Allah) kepada mereka. Maka Allah menyesatkan sesiapa yang dikehendakiNya (menurut

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الرَّكَتَبِ أَنْزَلْنَاهُ إِلَيْكَ لِتُخْرِجَ النَّاسَ  
مِنَ الظُّلُمَاتِ إِلَى النُّورِ بِإِذْنِ رَبِّهِمْ إِلَى  
صِرَاطٍ الْعَزِيزِ الْحَمِيدِ ①

اللَّهُ الَّذِي لَهُ مَا فِي السَّمَوَاتِ وَمَا فِي  
الْأَرْضِ ۗ وَوَيْلٌ لِّلْكَافِرِينَ مِنْ عَذَابٍ  
شَدِيدٍ ②

الَّذِينَ يَسْتَحِبُّونَ الْحَيَاةَ الدُّنْيَا عَلَى  
الْآخِرَةِ وَيَصُدُّونَ عَن سَبِيلِ اللَّهِ  
وَيَبْغُونَهَا عِوَجًا ۗ أُولَٰئِكَ فِي ضَلَالٍ  
بَعِيدٍ ③

وَمَا أَرْسَلْنَا مِن رَّسُولٍ إِلَّا بِلِسَانٍ  
فَوْهَةٍ لِّبَشَرٍ ۗ لَّهُمْ فِيضٌ مِّنَ اللَّهِ ۗ  
يَسَاءَ وَيَهْدِي مَن يَشَاءُ ۗ وَهُوَ الْعَزِيزُ  
الْحَكِيمُ ④

undang-undang peraturanNya), juga memberi hidayah kepada sesiapa yang dikehendakiNya (menurut undang-undang peraturanNya); dan Dialah Yang Maha Berkuasa, lagi Maha Bijaksana.

5. Dan sesungguhnya Kami telah mengutuskan nabi Musa (pada masa yang lalu) dengan membawa mukjizat-mukjizat Kami sambil Kami berfirman: «Keluarkanlah kaummu daripada kegelapan kufur kepada cahaya iman; dan ingatkanlah mereka dengan hari-hari Allah.<sup>(1)</sup> «Sesungguhnya yang demikian itu, mengandungi tanda-tanda yang menunjukkan kekuasaan Allah bagi setiap orang yang amat sabar, lagi amat bersyukur.
6. Dan (ingatlah) ketika nabi Musa berkata kepada kaumnya: «Kenanglah nikmat Allah kepada kamu, semasa Dia menyelamatkan kamu dari Firaun dan konco-konconya yang sentiasa menyiksa kamu dengan seksaan yang pedih dan mereka pula menyembelih anak-anak lelaki kamu dan membiarkan hidup anak-anak perempuan kamu; dan kejadian itu mempunyai ujian dan dugaan yang besar dari Tuhan kamu».

وَلَقَدْ أَرْسَلْنَا مُوسَىٰ بِآيَاتِنَا أَنْ أَخْرِجْ قَوْمَكَ مِنَ الظُّلُمَاتِ إِلَى النُّورِ وَذَكِّرْهُمْ بِآيَاتِنَا إِنَّ فِي ذَلِكَ لَآيَاتٍ لِّكُلِّ صَابِرٍ شَكُورٍ ﴿٥﴾

وَإِذْ قَالَ مُوسَىٰ لِقَوْمِهِ اذْكُرُوا نِعْمَةَ اللَّهِ عَلَيْكُمْ إِذْ أَنجَاكُمْ مِنْ آلِ فِرْعَوْنَ يَسُومُونَكُمْ سُوءَ الْعَذَابِ وَيَدْعِيحُونَ أَبْنَاءَكُمْ وَيَسْتَحْيُونَ نِسَاءَكُمْ فِي ذَلِكُمْ بَلَاءٌ مِنْ رَبِّكُمْ عَظِيمٌ ﴿٦﴾

1 Peristiwa yang telah terjadi pada kaum-kaum dahulu serta nikmat dan seksaan yang mereka alami.

7. Dan (ingatlah) ketika Tuhan kamu memberitahu: «Sesungguhnya jika kamu bersyukur pasti Aku akan tambahkan nikmatKu kepada kamu, dan sesungguhnya, jika kamu kufur sesungguhnya azabKu amatlah pedih».
8. Dan nabi Musa berkata: «Sekiranya kamu dan sesiapa yang berada di muka bumi seluruhnya kufur, maka (keadaan yang demikian tidak merugikan Allah), kerana sesungguhnya Allah Maha Kaya, lagi Maha Terpuji.
9. (Mengapa kamu masih berdegil) bukankah telah datang kepada kamu berita orang yang terdahulu daripada kamu, iaitu kaum nabi Nuh, 'Aad dan Thamud serta orang yang selepas mereka? Tiada sesiapaupun yang mengetahui bilangan mereka melainkan Allah. Mereka telah didatangi oleh para rasul mereka dengan membawa bukti-bukti yang nyata, lalu mereka meletakkan tangan mereka ke mulut mereka sambil berkata: «Sesungguhnya kami ingkari apa yang - mengikut dakwaan kamu - kamu diutus membawanya, dan sesungguhnya kami adalah dalam keraguan terhadap iman dan tauhid yang kamu ajak kami kepadanya».

وَإِذْ تَأَذَّنَ رَبُّكُمْ لَئِن شَكَرْتُمْ  
لَأَزِيدَنَّكُمْ وَلَئِن كَفَرْتُمْ إِنَّ عَذَابِي  
لَشَدِيدٌ ﴿٧﴾

وَقَالَ مُوسَىٰ إِنَّ تَكْفُرًا أَنتُمْ وَمَنْ  
فِي الْأَرْضِ جَمِيعًا فَإِنَّ اللَّهَ لَغَنِيٌّ حَمِيدٌ ﴿٨﴾

الْبَيِّنَاتِ كُنُوزَ الَّذِينَ مِنْ قَبْلِكُمْ قَوْمِ  
نُوحٍ وَعَادٍ وَثَمُودَ وَالَّذِينَ مِنْ  
بَعْدِهِمْ لَا يَعْلَمُهُمْ إِلَّا اللَّهُ جَاءَتْهُمْ  
رُسُلُهُمْ بِالْبَيِّنَاتِ فَرَدُّوا أَيْدِيَهُمْ فِي  
أَفْوَاهِهِمْ وَقَالُوا إِنَّا كَفَرْنَا إِمَّا أُرْسِلْتُمْ  
بِهِ وَإِنَّا لَفِي شَكٍّ مِمَّا تَدْعُونَنَا إِلَيْهِ مُرِيبٍ ﴿٩﴾

10. Para rasul mereka bertanya: «Patutkah berlakunya sebarang keraguan tentang wujudnya Allah, yang menciptakan langit dan bumi? Dia menyeru kamu beriman kerana hendak mengampunkan kamu dari dosa-dosa kamu, dan memberi tempoh kepada kamu hingga ke suatu masa yang tertentu. Mereka menjawab: «Kamu tidak lain hanyalah manusia seperti kami. Kamu bertujuan hendak menyekat kami daripada menyembah apa yang telah disembah oleh nenek moyang kami. Oleh itu, bawalah kepada kami satu bukti yang nyata».

11. Para rasul mereka berkata kepada mereka: «Kami ini tidak lain hanyalah manusia seperti kamu juga, tetapi Allah melimpahkan kurniaNya kepada sesiapa yang dikehendakiNya dari hamba-hambaNya; dan kami tidak berkuasa membawakan kepada kamu sebarang bukti (mukjizat) melainkan dengan izin Allah. Dan dengan yang demikian maka kepada Allah jualah hendaknya orang yang beriman bertawakal.

12. «Dan mengapa pula kami tidak bertawakal kepada Allah padahal Dia telah menunjukkan jalan kepada kami? Dan sesungguhnya, kami akan bersabar terhadap segala perbuatan kamu menyakiti

﴿ قَالَتْ رُسُلُهُمْ أَلِىَّ اللَّهِ شَكُّ فَاطِرِ  
السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ يَدْعُوكُمْ لِيَغْفِرَ لَكُمْ  
مِن ذُنُوبِكُمْ وَتُوخِرَكُمُ إِلَىٰ أَجَلٍ مُّسَمًّى  
قَالُوا إِنَّا نَشْكُرُ الْإِنشَاءَ وَمَا نَرَىٰ مِنْ  
تَصَدُّقٍ وَنَاعِمًا لَّكَ أَنْ تَعْبُدَ آبَاءَنَا فَأَتُونَا  
بِسُلْطَانٍ مُّبِينٍ ﴿١٠﴾

﴿ قَالَتْ لَهُمْ رُسُلُهُمْ إِنْ نَحْنُ إِلَّا بَشَرٌ  
مِّثْلُكُمْ وَلَكِنَّ اللَّهَ يَمُنُّ عَلَىٰ مَنْ يَشَاءُ  
وَمِن عِبَادِهِ وَمَا كَانَ لَنَا أَنْ نَأْتِيَكُم  
بِسُلْطَانٍ إِلَّا بِإِذْنِ اللَّهِ وَعَلَىٰ اللَّهِ  
فَلْيَتَوَكَّلِ الْمُؤْمِنُونَ ﴿١١﴾

﴿ وَمَا لَنَا أَلَّا نَتَوَكَّلَ عَلَى اللَّهِ وَقَدْ هَدَانَا  
سُبُلَنَا وَلَنَصْبِرَنَّ عَلَىٰ مَا أَدْبَأْتُمُونَا وَعَلَىٰ  
اللَّهِ فَلْيَتَوَكَّلِ الْمُتَوَكِّلُونَ ﴿١٢﴾

kami. Dan dengan yang demikian, maka kepada Allah jualah hendaknya bertawakal orang yang bertawakal».

13. Dan berkatalah pula orang yang kafir itu kepada para rasul mereka: «Sesungguhnya, kami akan mengeluarkan kamu dari negeri kami atau kamu kembali menjadi seagama dengan kami». Lalu Tuhan wahyukan kepada para rasulNya: «Sesungguhnya Kami akan binasakan orang yang zalim».
14. Dan sesungguhnya! Kami akan tempatkan kamu di negeri itu selepas kaum yang zalim itu, yang demikian itulah bagi orang yang takutkan keadilanKu dan ancamanKu.
15. Dan (para rasul serta umatnya yang beriman) memohon pertolongan (kepada Allah, untuk mendapat kemenangan); dan merasa kecewa setiap orang yang sombong, lagi bersikap degil (dalam keingkarannya).
16. Di hadapannya disediakan neraka Jahannam, dan dia akan diberi minum dari air danur (yang keluar dari tubuh penghuni neraka).
17. Dia meminumnya dengan terpaksa dan hampir-hampir tidak dapat diterima oleh tekaknya (kerana busuknya), dan dia

وَقَالَ الَّذِينَ كَفَرُوا لِرُسُلِهِمْ لَنُخْرِجَنَّكُمْ  
مِّنْ أَرْضِنَا أَوْ لَتَعُوذُنَّ فِي مِلَّتِنَا فَأَوْحَىٰ  
إِلَيْهِمْ رَبُّهُمْ لَنُهْلِكَنَّ الظَّالِمِينَ ﴿١٣﴾

وَلَنُصَلِّبَنَّكُمْ فِي الْأَرْضِ مِنْ بَعْدِهِمْ  
ذَٰلِكَ لِمَنْ خَافَ مَقَامِي وَخَافَ وَعِيدِ ﴿١٤﴾

وَأَسْتَفْتِحُكُمْ وَأَخَابَ كُلُّ جَبَّارٍ عَنِيدٍ ﴿١٥﴾

مِّنْ وَرَائِهِ جَهَنَّمُ وَيُسْقَىٰ مِنْ مَّاءٍ صَدِيدٍ ﴿١٦﴾

يَتَجَرَّعُهُ وَلَا يَكَادُ يُسِغُهُ وَيَأْتِيهِ  
الْمَوْتُ مِنْ كُلِّ مَكَانٍ وَمَا هُوَ بِمَيِّتٍ  
وَمِنْ وَرَائِهِ عَذَابٌ غَلِيظٌ ﴿١٧﴾

didatangi (penderitaan) kematian dari semua arah, sedang dia tidak pula mati (supaya terlepas daripada azab itu); dan di hadapannya ada lagi azab yang lebih berat.

18. Bandingan (segala kebaikan amal dan usaha) orang yang kufur terhadap Tuhannya ialah seperti abu yang diterbangkan angin pada hari ribut yang kencang; mereka tidak memperoleh sesuatu faedah pun daripada apa yang mereka telah usahakan itu. Sia-sianya amalan itu adalah kesan kesesatan yang jauh (daripada dasar kebenaran).
19. Tidakkah engkau melihat dan mengetahui bahawa Allah telah menciptakan langit dan bumi dengan cara yang benar? Jika Dia kehendaki pasti dibinasakanNya kamu (dengan sebab kekufuran kamu) dan didatangkan pula dengan makhluk-makhluk yang baru.
20. Dan yang demikian itu tidaklah sukar bagi Allah melakukannya.
21. Dan mereka sekalian tetap akan berhimpun menghadap Allah (untuk dihisab pada hari kiamat); kemudian orang yang lemah (yang menjadi pengikut) kepada orang yang sombong itu akan berkata kepada mereka (yang menjadi

مَثَلُ الَّذِينَ كَفَرُوا بِرَبِّهِمْ أَغْمَلُهُمْ  
كَمَا إِذَا اشْتَدَّتْ بِهِ الرِّيحُ فِي يَوْمٍ  
عَاصِفٍ لَا يَقْدِرُونَ مِمَّا كَسَبُوا عَلَى  
شَيْءٍ ذَٰلِكَ هُوَ الضَّلَالُ الْبَعِيدُ ﴿١٨﴾

أَلَمْ تَرَ أَنَّ اللَّهَ خَلَقَ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضَ  
بِالْحَقِّ إِنَّ يَشَاءُ يُدْهِبُكُمْ وَيَأْتِي بَخَلْقٍ جَدِيدٍ ﴿١٩﴾

وَمَا ذَٰلِكَ عَلَى اللَّهِ بِعَزِيزٍ ﴿٢٠﴾

وَيَرْزُقُ اللَّهُ جَمِيعًا فَقَالَ الضُّعَفَاءُ لِلَّذِينَ  
اسْتَكْبَرُوا إِنَّا كُنَّا لَكُمْ تَبَعًا فَمَا هَلَ أَنْتُمْ  
مُعْتَدُونَ عَنَّا مِنْ عَذَابِ اللَّهِ مِنْ شَيْءٍ قَالُوا  
لَوْ هَدَّ نَا اللَّهُ لَهَدَيْتُمْ سِوَاهُ عَلَيْنَا  
أَجْرِعْنَا أَوْ صَبَرْنَا مَا لَنَا مِنْ مَّحِيصٍ ﴿٢١﴾

pemimpinnya): «Sesungguhnya kami telah menjadi pengikut kamu; maka adakah kamu dapat menghindarkan kami daripada azab Allah?» Mereka menjawab: «Kalaulah Allah memberi hidayah kepada kami, tentulah kami tunjukkan jalan itu kepada kamu. (Sekarang) sama sahaja kepada kita, sama ada kita gelisah dan mengeluh atau kita bersabar, tidak ada sebarang jalan bagi kita untuk melepaskan diri (daripada azab itu)».

22. Dan berkatalah pula syaitan setelah selesai perkara itu: «Sesungguhnya Allah telah menjanjikan kamu dengan janji yang benar dan aku telah menjanjikan kamu lalu aku mungkir janji itu kepada kamu; dan tidak ada bagiku sebarang alasan dan kuasa mempengaruhi kamu selain daripada aku telah mengajak kamu, lalu kamu terburu-buru mengikut ajakanku itu; maka janganlah kamu salahkan aku tetapi salahkan diri kamu sendiri. Aku tidak dapat menyelamatkan kamu dan kamu juga tidak dapat menyelamatkan aku. Sesungguhnya dari dahulu lagi aku telah kufurkan (perintah Tuhan) yang kamu sekutukan aku denganNya». Sesungguhnya orang yang zalim mendapat azab yang sangat pedih.

وَقَالَ الشَّيْطَانُ لَمَّا قُضِيَ الْأَمْرُ إِنَّ اللَّهَ وَعَدَكُمْ وَعَدَ الْحَقِّ وَوَعَدْتُكُمْ فَأَخْلَفْتُكُمْ وَمَا كَانَ لِي عَلَيْكُمْ مِنْ سُلْطَانٍ إِلَّا أَنْ دَعَوْتُكُمْ فَاسْتَجَبْتُمْ لِي فَلَا تَلُمُونِي وَلُومُوا أَنْفُسَكُمْ مَا أَنَا بِمُصْرِخِكُمْ وَمَا أَنْتُمْ بِمُصْرِخِي إِنْ كَفَرْتُمْ يَمَا أَشْرَكْتُمْ مِنْ قَبْلُ إِنَّ الظَّالِمِينَ لَهُمْ عَذَابٌ أَلِيمٌ ﴿١٤﴾

23. Dan dimasukkan orang yang beriman dan beramal soleh ke dalam syurga-syurga yang mengalir di bawahnya sungai-sungai; mereka kekal di dalamnya dengan izin Tuhan mereka; ucapan penghormatan mereka di dalam syurga-syurga itu ialah «salam» (selamat sejahtera).
24. Tidakkah engkau melihat (wahai Muhammad) bagaimana Allah mengemukakan satu perumpamaan, iaitu kalimah yang baik<sup>(1)</sup> adalah seperti sebatang pohon yang baik, yang pangkalnya (akar tunjangnya) tetap teguh, dan cabang pucuknya menjulang ke langit.
25. Ia mengeluarkan buahnya pada setiap musim dengan izin Tuhannya; dan Allah mengemukakan perumpamaan-perumpamaan itu untuk manusia, semoga mereka beringat.
26. Dan bandingan kalimah yang buruk<sup>(2)</sup> samalah seperti sebatang pohon yang tidak berguna yang mudah tercabut akar-akarnya dari muka bumi; tidak ada tapak baginya untuk tetap hidup.
27. Allah menetapkan (pendirian) orang yang beriman dengan kalimah yang tetap teguh dalam

وَأُدْخِلَ الَّذِينَ ءَامَنُوا وَعَمِلُوا الصَّالِحَاتِ  
جَنَّاتٍ تَجْرِي مِنْ تَحْتِهَا الْأَنْهَارُ خَالِدِينَ  
فِيهَا بِإِذْنِ رَبِّهِمْ تَحِيَّتُهُمْ فِيهَا سَلَامٌ ﴿٢٣﴾

أَلَمْ تَرَ كَيْفَ ضَرَبَ اللَّهُ مَثَلًا كَلِمَةً طَيِّبَةً  
كَشَجَرَةٍ طَيِّبَةٍ أَصْلُهَا ثَابِتٌ وَفَرْعُهَا  
فِي السَّمَاءِ ﴿٢٤﴾

تَوَقَّى أَكْثَلَهَا كُلِّ حِينٍ بِإِذْنِ رَبِّهَا وَيَضْرِبُ  
اللَّهُ الْأَمْثَالَ لِلنَّاسِ لَعَلَّهُمْ  
يَتَذَكَّرُونَ ﴿٢٥﴾

وَمَثَلُ كَلِمَةٍ خَبِيثَةٍ كَشَجَرَةٍ خَبِيثَةٍ  
أَجْحَثَّتْ مِنْ فَوْقِ الْأَرْضِ مَا لَهَا مِنْ قَرَارٍ ﴿٢٦﴾

يُثَبِّتُ اللَّهُ الَّذِينَ ءَامَنُوا بِالْقَوْلِ الثَّابِتِ فِي

1 Seperti kalimah tauhid dan segala ucapan yang menyeru kepada kebaikan dan mencegah kemungkaran.

2 Seperti kufur, syirik, dan segala perkataan yang tidak benar.



kehidupan dunia dan akhirat; dan Allah menyesatkan orang yang zalim (kepada diri mereka sendiri); dan Allah melakukan apa yang dikehendakiNya.

28. Tidakkah engkau melihat (dan merasa ajaib) terhadap orang kafir yang telah menukar kesyukuran nikmat Allah dengan kekufuran, dan yang telah menempatkan kaum mereka dalam kebinasaan?
29. (Iaitu) neraka Jahannam yang mereka akan masuk ke dalamnya; dan (ingatlah), seburuk-buruk tempat tinggal ialah neraka Jahannam.
30. Dan mereka mengadakan sekutu-sekutu bagi Allah untuk menyesatkan manusia dari jalanNya. Katakanlah (wahai Muhammad): «Bersenang-senanglah kamu (sementara di dunia), kerana sesungguhnya kesudahan kamu adalah ke neraka».
31. Katakanlah kepada hamba-hambaKu yang beriman hendaklah mereka mendirikan solat dan membelanjakan apa yang Kami kurniakan kepada mereka, sama ada dengan merahsiakan pemberiannya itu atau dengan terbuka; sebelum datangnya hari yang tidak ada jual beli padanya, dan tidak ada sahabat handai (yang dapat memberikan pertolongan).

الْحَيٰوةَ الدُّنْيَا وَفِي الْآخِرَةِ ۗ وَ يُضِلُّ اللّٰهُ  
الظّٰلِمِيْنَ ۗ وَيَفْعَلُ اللّٰهُ مَا يَشَآءُ ﴿٢٧﴾

﴿٢٨﴾ كُفْرًا وَّ أَحۡلَاۡ قَوْمَهُمۡ دَارَ الْبَوَارِ  
﴿٢٩﴾ ۗ كُفْرًا وَّ أَحۡلَاۡ قَوْمَهُمۡ دَارَ الْبَوَارِ ﴿٢٨﴾

جَهَنَّمَ يَصَلُّوْنَهَا وَيَسۡتَقَرُّوْنَ ﴿٢٩﴾

وَجَعَلُوا لِلّٰهِ اٰنۡدَادًا لِّيُضِلُّوۡا عَنۡ سَبِيْلِهِ  
قُلۡ تَمَتَّعُوا فَاِنَّ مَصِيْرَكُمْ اِلَى النَّارِ ﴿٣٠﴾

قُلۡ لِّعِبَادِيَ الَّذِيْنَ ءَامَنُوۡا يَتَّقُوا الصَّلٰوةَ  
وَيُنْفِقُوۡا مِمَّا رَزَقْنٰهُمۡ سِرًّا وَعَلٰنِيَةً مِّنۡ قَبْلِ  
اَنْ يَّاتِيَ يَوْمٌ لَاۡ يَبِيْعُ فِيْهِ وَلَا يَخۡلَعُ ﴿٣١﴾

32. Allah jualah yang menciptakan langit dan bumi, dan menurunkan hujan dari langit lalu mengeluarkan dengan air hujan itu buah-buahan untuk menjadi makanan bagi kamu; dan Dia yang memberi kemudahan kepada kamu menggunakan kapal-kapal untuk belayar di laut dengan perintahNya, juga yang memudahkan sungai-sungai untuk kamu (mengambil manfaat darinya).
33. Dan Dia juga yang menjadikan matahari dan bulan sentiasa beredar, (untuk kepentingan kemudahan kamu) dan yang menjadikan malam dan siang (bagi faedah hidup kamu).
34. Dan Dia telah memberi kepada kamu sebahagian daripada tiap-tiap apa jua yang kamu hajati; dan jika kamu menghitung nikmat Allah pasti kamu tidak mampu mengiranya. Sesungguhnya manusia (yang ingkar) sangat zalim lagi sangat tidak menghargai nikmat Tuhannya.
35. Dan (ingatlah) ketika Ibrahim berdoa dengan berkata: «Wahai Tuhanku, jadikanlah negeri Makkah ini negeri yang aman, dan jauhkanlah aku dan anak-anakku dari perbuatan menyembah berhala.

اللَّهُ الَّذِي خَلَقَ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضَ وَأَنْزَلَ مِنَ السَّمَاءِ مَاءً فَأَخْرَجَ بِهِ مِنَ الثَّمَرَاتِ رِزْقًا لَكُمْ وَسَخَّرَ لَكُمُ الْفُلْكَ لِتَجْرِيَ فِي الْبَحْرِ بِأَمْرِهِ وَسَخَّرَ لَكُمُ الْأَنْهَارَ ﴿٢٢﴾

وَسَخَّرَ لَكُمُ الشَّمْسَ وَالْقَمَرَ دَائِبِينَ  
وَسَخَّرَ لَكُمُ اللَّيْلَ وَالنَّهَارَ ﴿٢٣﴾

وَمَا آتَاكُم مِّنْ كُلِّ مَآسَأَ لَتُؤْمِنُنَّ وَإِن تَعَدُّوا نِعْمَتَ اللَّهِ لَا تُحْصُوهَا إِنَّ الْإِنسَانَ لَظَلُومٌ كَفَّارٌ ﴿٢٤﴾

وَإِذْ قَالَ إِبْرَاهِيمُ رَبِّ اجْعَلْ هَذَا الْبَلَدَ  
ءَامِنًا وَاجْعَلْنِي وَمَنْ أُحِبُّ مِنْ بَنِيَّ أَنْ يَتَّبِعُوا آلِهَتِي  
﴿٢٥﴾

36. Wahai Tuhanku, berhala-berhala itu telah menyesatkan ramai di antara umat manusia. Maka, sesiapa yang mengikutku (dalam Islam yang menjadi peganganku) maka dia adalah dari golonganku; dan sesiapa yang menderhaka kepadaku, maka sesungguhnya engkau Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani.
37. «Wahai Tuhan kami! Sesungguhnya aku telah menempatkan sebahagian daripada zuriat keturunanku di sebuah lembah (Tanah Suci Makkah) yang tidak ada tanaman padanya, di sisi rumahMu yang suci. Wahai Tuhan kami, (mereka ditempatkan di situ) semoga mereka mendirikan solat (dan memakmurkannya dengan ibadat). Maka, jadikanlah hati sebahagian manusia agar tertarik kepada mereka, (supaya datang beramai-ramai ke situ), dan kurniakan rezeki kepada mereka dari pelbagai jenis buah-buahan dan hasil tanaman, semoga mereka bersyukur».
38. «Wahai Tuhan kami! Sesungguhnya Engkau mengetahui akan apa yang kami sembunyikan dan apa yang kami zahirkan; dan tiada sesuatupun di langit dan di bumi, yang tersembunyi kepada Allah!».

رَبِّ إِنَّهُنَّ أَضَلَّانَ كَثِيرًا مِّنَ النَّاسِ  
فَمَنْ تَبِعَنِي فَإِنَّهُ مِنِّي وَمَنْ عَصَانِي فَإِنَّكَ  
عَمُورٌ حَمِيمٌ ﴿٣٦﴾

رَبَّنَا إِنِّي أَسْأَلُكَ مِنْ دُرِّيَّتِي بِوَادٍ غَيْرِ ذِي  
زَرْعٍ عِنْدَ بَيْتِكَ الْمُحَرَّمِ رَبَّنَا لِيُقِيمُوا  
الصَّلَاةَ فَاجْعَلْ أَفْئِدَةً مِنَ النَّاسِ تَهْوِي  
إِلَيْهِمْ وَارْزُقْهُمْ مِنَ الشَّمَرَاتِ لَعَلَّهُمْ  
يَشْكُرُونَ ﴿٣٧﴾

رَبَّنَا إِنَّكَ تَعْلَمُ مَا نُخْفِي وَمَا نُعْلِنُ وَمَا  
يَخْفَى عَلَى اللَّهِ مِنْ شَيْءٍ فِي الْأَرْضِ وَلَا فِي  
السَّمَاءِ ﴿٣٨﴾

39. «Segala puji bagi Allah yang telah mengurniakan kepadaku semasa aku tua: Ismail dan Ishak. Sesungguhnya Tuhanku Maha Mendengar dan memperkenan doa permohonan».
40. «Wahai Tuhanku! Jadikanlah aku orang yang mendirikan solat dan demikianlah juga zuriat keturunanku. Wahai Tuhan kami, perkenankanlah doa permohonanku».
41. «Wahai Tuhan kami! Ampunilah daku, kedua ibu bapaku serta orang yang beriman, pada hari berlakunya hitungan amal dan pembalasan».
42. Dan janganlah engkau (wahai Muhammad) menyangka Allah lalai akan apa yang dilakukan oleh orang yang zalim; sesungguhnya Dia hanya melambatkan balasan mereka hingga ke suatu hari yang padanya terbeliak pandangan mereka (kerana gerun gementar melihat keadaan yang berlaku).
43. (Dalam pada itu) mereka terburu-buru (menyahut panggilan ke padang Mahsyar) sambil mendongakkan kepala mereka dengan mata tidak berkelip, dan hati mereka tidak bersemangat (kerana bingung dan cemas).
44. Dan berilah amaran (wahai Muhammad) kepada manusia (yang ingkar itu, jangan mereka

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي وَهَبَ لِي عَلَى الْكِبَرِ  
إِسْمَاعِيلَ وَإِسْحَاقَ إِنَّ رَبِّي لَسَمِيعُ  
الدُّعَاءِ ﴿٣٩﴾

رَبِّ اجْعَلْنِي مُقِيمَ الصَّلَاةِ وَمِنْ ذُرِّيَّتِي  
رَبَّنَا وَقَبَلْ دُعَاءَ ﴿٤٠﴾

رَبَّنَا اغْفِرْ لِي وَلِوَالِدَيَّ وَلِلْمُؤْمِنِينَ  
يَوْمَ يَقُومُ الْحِسَابُ ﴿٤١﴾

وَلَا تَحْسَبَنَّ اللَّهَ غَافِلًا عَمَّا يَعْمَلُ  
الظَّالِمُونَ إِنَّمَا يُؤَخِّرُهُمْ لِیَوْمٍ تَشْخُصُ  
فِيهِ الْأَبْصَارُ ﴿٤٢﴾

مُهْطِعِينَ مُقْنِبِي رُءُوسِهِمْ لَا يَرْتَدُّ  
إِلَيْهِمْ طَرْفُؤُهُمْ وَأَفْعَادُهُمْ هَوْلًا ﴿٤٣﴾

وَأَنْذِرِ النَّاسَ يَوْمَ يَأْتِيهِمُ الْعَذَابُ

lupakan) hari kiamat yang didatangkan kepada mereka azab, lalu orang yang berlaku zalim akan merayu dengan berkata: «Wahai Tuhan kami, (kembalikanlah kami ke dunia dan) berilah tempoh kepada kami hingga ke suatu masa yang dekat (walaupun sebentar) supaya kami menyahut seruanMu (untuk mengesakanMu dan mentaati perintahMu), dan supaya kami mengikut agama yang disampaikan oleh para rasul itu». «Bukankah kamu telah diberikan tempoh untuk berbuat demikian, dan bukannya kamu telah bersumpah (semasa kamu dalam dunia) dahulu, bahawa kamu tidak akan dibinasakan?

45. «Padahal kamu telah mendiami tempat-tempat tinggal orang yang berlaku zalim kepada diri mereka sendiri, serta telah ternyata kepada kamu bukti-bukti yang jelas bagaimana Kami telah mengubah keadaan mereka (dengan menimpakan mereka dengan pelbagai bencana), dan Kami pula telah nyatakan kepada kamu pelbagai perumpamaan (di dalam al-Quran dan melalui sabda rasul)».
46. Dan sesungguhnya mereka telah menjalankan tipu daya mereka (untuk menentang Islam), sedangkan di sisi Allah terdapat balasan bagi tipu daya mereka, walaupun tipu daya

فَيَقُولُ الَّذِينَ ظَلَمُوا رَبَّنَا أَخِّرْنَا إِلَىٰ أَجَلٍ قَرِيبٍ نَجُوبُ دَعْوَتِكَ وَنَتَّبِعِ الرَّسُولَ الْوَاهِبَ تَكُونُوا أَقْسَمْتُمْ مِن قَبْلِ مَا لَكُمْ  
 مِن زَوَالٍ ﴿٤٤﴾

وَسَكَنتُمْ فِي مَسَاكِينِ الَّذِينَ ظَلَمُوا أَنفُسَهُمْ وَتَبَيَّنَ لَكُم كَيْفَ فَعَلْنَا بِهِمْ وَضَرَبْنَا لَكُمُ الْأَمْثَالَ ﴿٤٥﴾

وَقَدْ مَكَرُوا مَكْرَهُمْ وَعِنْدَ اللَّهِ مَكْرُهُمْ وَإِنْ كَانَ مَكْرُهُمْ لِتَزُولَ مِنْهُ الْجِبَالُ ﴿٤٦﴾

mereka itu dapat melenyapkan gunung-ganang (namun ia tetap tidak dapat memudaratkan Allah walaupun sedikit).

47. Maka, janganlah engkau menyangka Allah memungkirkan janjiNya kepada para rasulNya; sesungguhnya Allah Maha Perkasa, lagi Sedia Membalas (orang yang menderhaka kepadaNya).
48. (Ingatlah) masa hari bumi ini diganti dengan yang lain, demikian juga langit; dan manusia semuanya keluar berhimpun menghadap Allah, Yang Maha Esa, lagi Maha Berkuasa.
49. Dan engkau akan melihat orang yang berdosa pada hari itu dibelenggu.
50. Pakaian mereka dari belangkin (minyak tar), dan muka (serta seluruh badan) mereka diliputi oleh jilatan api neraka.
51. Ini kerana Allah akan membalas setiap orang mengikut apa yang dia telah usahakan; sesungguhnya Allah amat cepat hitunganNya.
52. (Al-Quran) ini adalah penjelasan yang sempurna bagi manusia; dan semoga mereka mengetahui (dengan hujah-hujah yang tersebut di dalamnya) bahawa sesungguhnya Allah adalah Tuhan Yang Maha Esa; dan supaya orang yang berakal mengambil peringatan dan pengajaran.

فَلَا تَحْسَبَنَّ اللَّهَ مُخْلِيفًا وَعْدَهُ عُرْسِلَهُ  
إِنَّا بِلِلَّهِ عَزِيزٌ ذُو انتِقَامٍ ﴿٤٧﴾

يَوْمَ نُبَدِّلُ الْأَرْضَ عَيْرَ الْأَرْضِ  
وَالسَّمَوَاتِ وَنُرْزِلُ اللَّهُ الْوَحِيدَ الْقَهَّارِ ﴿٤٨﴾

وَتَرَى الْمُجْرِمِينَ يَوْمَئِذٍ مُّقْرَنِينَ فِي  
الْأَصْفَادِ ﴿٤٩﴾

سَرَابِلُهُمْ مِنْ فَطْرَانٍ وَتَعَشَى وَجُوهَهُمْ  
النَّارِ ﴿٥٠﴾

لِيَجْزِيَ اللَّهُ كُلَّ نَفْسٍ مَا كَسَبَتْ إِنَّ  
اللَّهَ سَرِيعُ الْحِسَابِ ﴿٥١﴾

هَذَا بَلَّغٌ لِلنَّاسِ وَلِيُنذِرُوا بِهِ وَيُلْعَمُوا  
أَنَّمَا هُوَ إِلَهُ وَحِيدٌ وَلِيَدَّكَرُوا لَوْلَا  
الْأَلْبَابِ ﴿٥٢﴾